

BAB LIMA

BAB KELIMA

KEBERKESANAN KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA TERHADAP PEMBANGUNAN AKHLAK WARGA TENTERA

5.1 PENDAHULUAN

Penubuhan KAGAT telah memberikan implikasi yang besar terhadap perkembangan Dakwah Islamiah di dalam organisasi ATM. Peranan KAGAT dalam menyampaikan misi dakwah dan memberikan pendidikan Islam serta khidmat keagamaan kepada warga ATM khasnya tidak boleh dinafikan.¹ Dalam tempoh usia yang masih remaja iaitu selama 17 tahun kewujudannya dalam ATM, KAGAT telah berjaya menangani dan mengeluarkan beberapa tradisi serta adat yang bercanggah dan bertentangan dengan akhlak Islam yang menjadi amalan seharian dalam ATM suatu ketika dahulu.² Bagi melihat dengan lebih dekat lagi akan keberkesaan KAGAT, maka penulis akan cuba menganalisis dan mengkaji pencapaian sebenar KAGAT berdasarkan kepada fakta yang telah diperolehi oleh penulis melalui temubual, soal selidik, dan observasi penulis sebagai anggota ATM.

Di dalam membuat analisis terhadap pencapaian KAGAT, penulis akan membahagikan penulisan ini kepada dua skop perbincangan. Pertama, pencapaian dari sudut pembentukan akhlak warga tentera secara personal iaitu sejauhmana KAGAT mampu membentuk peribadi warga tentera seajar dengan kehendak akhlak

Islam. Dengan ertikata yang lain sejauhmana KAGAT telah berjaya membentuk peribadi warga tentera dalam menjaga hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.). Bagi menilai pencapaian ini penulis telah menjadikan soalan-soalan di bahagian A, B dan C sebagai sandaran bagi melihat pencapaian KAGAT. Soal selidik tersebut telah diajukan kepada pelbagai peringkat anggota ATM yang mencakupi anggota peringkat bawahan hingga ke peringkat pegawai (lihat lampiran 1). Skop yang kedua pula ialah menfokuskan perbahasan kepada beberapa aspek kejayaan KAGAT dalam misi membangunkan akhlak Islam dalam organisasi ATM. Kejayaan yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah seperti kejayaan pengharaman arak dalam ATM, kebenaran pemakaian tudung kepala kepada anggota wanita dan pemansuhan upacara menepung tawar yang menjadi amalan tradisi dalam ATM semenjak dahulu lagi.

Data di bahagian ini diperolehi dengan cara jawapan yang telah diberikan oleh responden terhadap soal selidik penulis (Lihat lampiran 1 soalan 12) di samping temubual yang telah dibuat terhadap 7 orang warga tentera di kalangan pegawai dan lain-lain pangkat.

5.2 ANALISIS PENCAPAIAN KAGAT DALAM PEMBANGUNAN AKHLAK WARGA TENTERA

Setelah penulis mengutarakan permasalahan sosial yang pernah berlaku dalam ATM sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab yang pertama di halaman 4, penulis berpandangan bahawa perkara tersebut boleh berlaku disebabkan oleh masalah ketandusan akhlak yang wujud dalam ATM. Apabila ianya melibatkan permasalahan akhlak maka sudah pasti KAGAT akan dipersoalkan kewibawaannya kerana kewujudan KAGAT dalam ATM itu sendiri bertujuan untuk membentuk akhlak warga tentera. Rentetan daripada itu, penulis akan cuba membuat analisis dengan melihat setakat manakah pencapaian KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera. Tumpuan penulis di dalam kajianya hanyalah kepada sejauhmanakah KAGAT berjaya membangunkan akhlak warga tentera dalam konteks hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.) dan pencapaian pembangunan akhlak yang telah berlaku di peringkat Kementerian Pertahanan khususnya yang melibatkan organisasi ATM.

Bagi menilai keberkesanannya pembangunan akhlak yang dilakukan oleh KAGAT terhadap warga tentera, penulis telah membuat beberapa kajiselidik dengan menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dengan akhlak bagi mengenalpasti tahap pencapaian KAGAT dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam ATM. Bagi melihat kepada keberkesanannya maka penulis telah menyediakan soalan selidik yang melibatkan 114 orang warga tentera pelbagai pangkat yang sedang

berkhidmat di seluruh kem-kem tentera di Semenanjung Malaysia.³ Soalan tersebut telah dipecahkan kepada tiga bahagian dan keseluruhannya mengandungi 24 soalan. Bahagian A berkenaan dengan personaliti responden dan ianya dibahagikan kepada 6 soalan. Di antara soalan yang ditanya di dalam bahagian ini ialah umur, tempoh perkhidmatan, tempat perkhidmatan, kekerapan mengikuti kelas agama anjuran KAGAT, latar belakang keluarga, dan akhlak responden sebelum terlibat dengan kerjaya tentera. Soalan-soalan berkenaan dengan akhlak responden diajukan dengan tujuan untuk mengetahui kedudukan peribadi responden sebelum terlibat dengan kerjaya tentera. Apabila ianya diketahui akan memudahkan bagi penulis untuk melakukan analisis seterusnya.

Bahagian B adalah berkenaan dengan penilaian peribadi responden terhadap pencapaian KAGAT. Ianya dibahagikan kepada 9 Soalan. Antara persoalan yang dikemukakan oleh penulis ialah keperluan KAGAT dalam ATM, matlamat penubuhan KAGAT, kejayaan KAGAT dalam mengejar matlamat penubuhannya, kejayaan KAGAT dalam menghapuskan gejala negatif dalam ATM, perubahan akhlak responden setelah terlibat dengan pembelajaran KAGAT di kem, Pengharaman arak dalam kem dan sumbangan KAGAT dalam menghapuskan gejala tersebut, sokongan terhadap usaha pembangunan akhlak, didikan KAGAT dan kesannya terhadap diri responden, gejala negatif dalam ATM dan hubungannya dengan dakwah KAGAT.

Bahagian C adalah berkenaan dengan komitmen responden terhadap hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.). Sebanyak 9 soalan telah ditanya di dalam bahagian ini. Di antara soalan yang ditanya ialah status diri responden, komitmen responden terhadap solat fardhu, komitmen responden terhadap solat jemaah, kelancaran membaca al-Qurān, penjagaan aurat, komitmen terhadap puasa Ramadhan, solat isteri dan anak-anak, pendidikan al-Qurān anak-anak dan penjagaan aurat isteri. Soalan-soalan ini diajukan bertujuan untuk mengenalpasti setakatmana komitmen responden terhadap hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.) di samping kesungguhan mereka merealisasikan tuntutan ini di dalam kehidupan berkeluarga. Positif atau negatifnya jawapan yang diberi akan dapat menilai sejauhmana pencapaian KAGAT dalam membina akhlak responden khususnya dalam hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.). Data yang diperolehi daripada ketiga-tiga bahagian soal selidik ini mampu mencapai objektif-objektif kajian yang meliputi ;

- a. Mengenalpasti kejayaan peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT khususnya dalam permasalahan akhlak warga tentera dalam hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.).
- b. Mengetahui komitmen warga tentera khususnya dalam melaksanakan Tuntutan-tuntutan asas dalam agama.
- c. Mengenalpasti pengiktirafan yang diberikan oleh responden terhadap KAGAT dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Dari sudut pengagihan borang kaji selidik pula, penulis telah membahagikannya kepada tiga kelompok utama iaitu mereka yang sedang bernaung di bawah pentadbiran 2 Divisyen, 3 Divisyen dan 4 Divisyen.⁴ Pentadbiran 2 Divisyen melibatkan mereka yang sedang berkhidmat di utara semenanjung. Ianya melibatkan negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis, utara Perak dan sedikit kawasan yang melibatkan negeri pantai timur. Tiga Divisyen pula melibatkan mereka yang bertugas di negeri-negeri yang berada di selatan tanah air seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan selatan Pahang. Manakala 4 Divisyen pula melibatkan mereka yang bertugas di negeri-negeri yang berada di tengah semenanjung termasuk ibu kota Kuala Lumpur.⁵

5.3 BAHAGIAN A : ANALISIS LATAR BELAKANG RESPONDEN


Responden yang telah diberikan soalan kajiselidik ini ialah seramai 114 orang. 24 daripada responden yang menjawab soalan kaji selidik ini tidak memberikan maklumat peribadi mereka sebagaimana yang dikehendaki. Oleh itu analisis terhadap latar belakang responden hanya dapat dijalankan terhadap 90 orang responden sahaja. Mereka merupakan warga tentera yang telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera melebihi 5 tahun. Sebanyak 6 soalan telah dikemukakan di bahagian ini (Lihat Lampiran). Penulis akan menganalisis satu persatu berkenaan dengan latar belakang responden yang telah memberikan jawapannya berdasarkan kepada soalan-soalan yang ditujukan kepada mereka.

5.3.1 Umur.

Taburan responden mengikut tahap umur dapat dilihat sebagaimana yang dinyatakan dalam carta graf yang disediakan. Penulis telah membahagikannya kepada tiga kelompok utama iaitu yang berumur 20 tahun ke atas, 30 tahun ke atas dan 40 tahun ke atas. 8 orang atau 8.9% mereka yang berumur 20 tahun ke atas, 78 orang atau 86.7 % , mereka yang berumur 30 tahun ke atas manakala 4 orang atau 4.4 % merupakan responden yang mempunyai tahap umur 40 tahun ke atas. Statistik menunjukkan bahawa responden yang mempunyai tahap umur 30 tahun ke atas merupakan golongan majoriti di dalam kajiselidik ini. Ini adalah kerana tahap tersebut merupakan tahap pertengahan umur dalam perkhidmatan.

Tahap umur 40 tahun ke atas merupakan golongan manoriti adalah kerana tahap umur sedemikian merupakan golongan yang sudah menghampiri usia pencer dan bilangan mereka biasanya tidak ramai yang dihantar berkursus pada tempoh ini. Begitu juga dengan responden yang berada pada tahap umur 20 tahun ke atas kerana mereka merupakan golongan yang baru sahaja melibatkan diri dengan perkhidmatan tentera.

Rajah 5.3.1 : Taburan Tahap Umur Responden




Sumber : Kertas Soal Selidik

5.3.2 Tempat Bertugas Responden.

Taburan responden mengikut tempat bertugas mereka dapat dilihat sebagaimana dalam carta graf berikutnya. Hasil tebaran kajiselidik yang telah dibuat oleh penulis mendapati responden yang telah menjawab soalan ini terdiri daripada 28.9 % atau 26 orang yang sedang berkhidmat di bawah pemerintahan 2 Divisyen, 41.1 % atau 37 orang yang sedang berkhidmat di bawah pemerintahan 3

Divisyen manakala 30 % atau 27 orang pula mereka yang sedang berkhidmat di bawah pemerintahan 4 Divisyen.

Rajah 5.3.2 : Tempat Bertugas Responden.




Sumber : Kertas Soal Selidik

5.3.3 Tempoh Perkhidmatan Responden

Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan dapat dilihat sebagaimana yang dinyatakan dalam carta graf seperti di bawah. Penulis berpandangan bahawa jangkamasa perkhidmatan perlu diambil kira dalam membuat analisis ini kerana jangkamasa perkhidmatan yang pendek tidak memungkinkan responden memberikan jawapan yang tepat bagi menilai prestasi KAGAT.

Bagi menjamin ketepatan kajian ini, penulis hanya memilih mereka yang sudah berkhidmat melebihi lima tahun sahaja yang layak untuk dijadikan responden. Bagi tujuan ini, penulis telah berjaya mendapatkan responden yang melibatkan 9 orang atau 10 % daripada mereka telah berkhidmat lebih lima tahun, 33 orang atau 36.7 % telah berkhidmat lebih daripada sepuluh tahun manakala 48 orang 53.3 % pula telah berkhidmat lebih daripada lima belas tahun. Semua responden sudah dikenalpasti telah melalui tempoh perkhidmatan melebihi lima tahun kerana kursus yang sedang mereka hadiri ketika penulis membuat kajiselidik merupakan kursus bagi anggota yang telah lama berkhidmat.

Rajah 5.3.3: Tempoh Perkhidmatan Responden




Sumber : Kertas Soal Selidik

5.3.4 Latar Belakang Keluarga Responden

Taburan responden berdasarkan latar belakang keluarga dapat dilihat sebagaimana yang dinyatakan dalam carta graf seperti di bawah. Daripada kajiselidik yang dijalankan, penulis mendapati bahawa mereka yang datang daripada keluarga yang kuat berpegang kepada ajaran agama ialah seramai 74 orang atau 82.2 %. 14 orang atau 15.6 % menyatakan mereka datang daripada keluarga yang kurang mengambil berat terhadap perkara yang berkaitan dengan agama. Manakala baki 2.2

bersedia untuk menghadiri sebarang kelas berbentuk keagamaan yang dilaksanakan di Pasukan walaupun ianya tidak diarahkan. Manakala 37 orang atau 41.1 % hanya bersedia untuk pergi sekiranya mendapat arahan daripada pihak atasan. Di sini penulis dapat membuat kesimpulan bahawa kelas-kelas agama yang dibuat oleh KAGAT di kem-kem tentera mendapat sambutan yang positif daripada responden berdasarkan bilangan yang ingin mengikutinya secara sukarela lebih ramai daripada yang mengikutinya secara dipaksa.

Rajah 5.3.5 : Kehadiran Mengikuti Kelas Agama




Sumber : Kertas Soal Selidik

5.3.6 Akhlak Responden Sebelum Memasuki Tentera

Taburan responden berdasarkan kepada akhlak mereka sebelum memasuki tentera dapat dilihat sebagaimana yang dinyatakan dalam carta graf seperti di bawah. Hasil daripada kajiselidik penulis mendapati bahawa 38 orang atau 42.2% daripada responden mengaku bahawa mereka memang mengalami masalah akhlak sebelum memasuki alam ketenteraan. 34.5 % atau 31 orang pula menyatakan mereka mengalami sedikit masalah akhlak sebelum memasuki tentera manakala hanya 23.3 % atau 21 orang sahaja yang menafikan bahawa mereka mengalami masalah akhlak sebelum memasuki tentera.

Rajah 5.3.6 : Akhlak Responden Sebelum Memasuki Tentera



Sumber : Kertas Soal Selidik

Fakta-fakta sebagaimana di atas merupakan sebahagian daripada maklumat yang telah berjaya diperolehi oleh penulis dalam menganalisis latar belakang responden. Ianya merupakan fakta-fakta yang bersifat latarbelakang responden itu sendiri. Namun demikian ianya akan banyak membantu penulis dalam melakukan analisis seterusnya bagi menilai keberkesanan KAGAT di dalam membangunkan akhlak warga tentera.

5.4 BAHAGIAN B : PANDANGAN PERIBADI RESPONDEN TERHADAP PENCAPAIAN KAGAT

Setelah penulis memaparkan latar belakang responden yang ada kaitannya dengan kajian penulis, analisis seterusnya ialah penulis melihat bagaimanakah pandangan peribadi responden terhadap pencapaian KAGAT setelah kor ini diwujudkan dalam ATM. Daripada 114 soalan kaji selidik yang diedarkan oleh penulis hanya 90 orang sahaja yang menjawab soalan di bahagian ini. Oleh yang demikian analisis terhadap bahagian ini hanya dapat dilakukan terhadap 90 orang responden sahaja. Di dalam bahagian ini penulis akan membahagikannya kepada 9 bentuk soalan. Antara persoalan yang dikemukakan oleh penulis ialah keperluan KAGAT dalam ATM, matlamat penubuhan KAGAT, kejayaan KAGAT dalam mengejar matlamat penubuhannya, kejayaan KAGAT dalam menghapuskan gejala negatif dalam ATM, perubahan akhlak responden setelah terlibat dengan pembelajaran KAGAT di kem, Pengharaman arak dalam kem dan sumbangan KAGAT dalam menghapuskan gejala tersebut, sokongan terhadap usaha

pembangunan akhlak, didikan KAGAT dan kesannya terhadap diri responden, gejala negatif dalam ATM dan hubungannya dengan dakwah KAGAT. (Lihat Lampiran 1)

Analisis Soal Selidik Tentang Keperluan KAGAT dalam ATM.

Jadual 5.4.1 (a) : Tahap Keperluan KAGAT Dalam ATM.

Tahap Keperluan	Bil. Responden	Peratus
Perlu	88	97.8 %
Kurang perlu	2	2.2 %
Tidak Perlu	0	0 %
Jumlah	90	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Berdasarkan jawapan kepada analisis soalan yang ketujuh, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa majoriti responden mengakui bahawa KAGAT amat diperlukan dalam perkhidmatan ATM. Ini dapat dibuktikan di mana 97.8 % atau 88 orang daripada responden memperakui pernyataan tersebut. 2.2 % pula ataupun 2 orang daripada responden menyatakan KAGAT kurang perlu dalam ATM manakala tiada seorangpun warga tentera yang menyatakan bahawa KAGAT langsung tidak diperlukan dalam ATM.

*

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Pengetahuan Responden Berkaitan Matlamat Penubuhan KAGAT.

Jadual 5.4.1 (b): Tahap Pengetahuan Responden Tentang Matlamat Penubuhan KAGAT

Tahap Pengetahuan	Bil. Responden	Peratus
Mengetahui	83	92.2 %
Kurang Mengetahui	7	7.8%
Tidak Mengetahui	0	0 %
Jumlah	90	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Bagi analisis soalan 8 iaitu tahap pengetahuan responden berkaitan dengan matlamat penubuhan KAGAT (Lihat Lampiran 1) penulis mendapati bahawa 92.2 % atau 83 orang daripada responden memberikan jawapan mereka mengetahui matlamat penubuhan KAGAT dalam ATM iaitu berjuang membentuk akhlak warga tentera agar ianya sejajar dengan kehendak Islam, berbanding hanya 7.8 % atau 7 orang sahaja yang tidak mengetahuinya. Hasil kajiselidik juga mendapati bahawa tiada di kalangan responden yang langsung tidak mengetahui akan matlamat penubuhan KAGAT. Justeru itu mengikut pandangan penulis apabila responden memberikan jawapan yang positif terhadap persoalan di atas sudah cukup menggambarkan kepada umum bahawa KAGAT merupakan wadah perjuangan yang

diperakui akan keperluannya dalam ATM dan kejayaan di dalam perjuangannya untuk membangunkan akhlak warga tentera amat-amat diharapkan oleh semua pihak.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Kejayaan KAGAT Dalam Pembentukan Akhlak Warga Tentera

Jadual 5.4.1(c): Tahap Pandangan Responden Terhadap Pencapaian KAGAT Dalam Pembentukan Akhlak Warga Tentera.

Tahap Kejayaan	Bil. Responden	Peratus
Berjaya	53	58.9 %
Kurang Berjaya	32	35.6%
Tidak Berjaya	5	5.5 %
Jumlah	90	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Analisis soalan 9 iaitu pandangan responden terhadap kejayaan KAGAT dalam membentuk akhlak warga tentera (Lihat Lampiran 1) menunjukkan bahawa 58.9 % atau 53 Orang daripada responden memberikan pengiktirafan bahawa KAGAT telah berjaya mengejar matlamat penubuhannya membangunkan akhlak warga tentera berbanding dengan hanya 35.6 % atau 32 orang sahaja kurang

*

bersetuju manakala 5.5 % atau 5 orang daripada responden beranggapan bahawa KAGAT telah gagal di dalam perjuangannya mendidik akhlak warga tentera.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Pencapaian KAGAT Dalam Membenteras

Gejala Negatif Dalam Kehidupan Warga Tentera

Jadual 5.4.1(d) : Tahap Pandangan Responden Terhadap pencapaian KAGAT

Dalam Membenteras Gejala Negatif Dalam Kehidupan Warga Tentera

Tahap Kejayaan	Bil. Responden	Peratus
Berjaya	61	67.8 %
Kurang Berjaya	28	31.1%
Tidak Berjaya	1	1.1%
Jumlah	90	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Berdasarkan kepada analisis soalan 10 iaitu pandangan responden terhadap kejayaan KAGAT dalam membenteras gejala negatif dalam kehidupan warga tentera (Lihat Lampiran 1) menunjukkan bahawa 67.8 % iaitu 61 orang daripada responden memperakui bahawa KAGAT telah berjaya membenteras gejala negatif dalam kehidupan warga tentera, berbanding dengan mereka yang tidak menyetujuinya iaitu 1.1 % ataupun 1 orang, manakala 31.1 % atau 28 orang daripada responden pula

*

hanya menyatakan mereka kurang bersetuju dengan pencapaian KAGAT dalam menghapuskan gejala negatif.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Perubahan Akhlak Responden Setelah Menerima Didikan Daripada KAGAT.

Jadual 5.4.1(e): Tahap Pandangan Responden Terhadap Perubahan Akhlak Mereka Setelah Terlibat Dengan Didikan KAGAT.

Perubahan Akhlak	Bil. Responden	Peratus
Berubah	59	65.5 %
Kurang Berubah	29	32.2 %
Tidak Berubah	2	2.2 %
Jumlah	90	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Analisis soalan 11 iaitu pandangan Responden terhadap perubahan akhlak mereka setelah terlibat dengan didikan KAGAT (Lihat Lampiran 1) menunjukkan bahawa 65.5 % atau 59 orang daripada responden memberikan pengakuan bahawa akhlak mereka telah berubah setelah terlibat dengan didikan dan asuhan KAGAT di Pasukan. 32.2 % atau 29 orang pula menyatakan bahawa didikan KAGAT tidak banyak memberikan perubahan terhadap akhlak mereka, manakala hanya 2.2 % atau 2 orang sahaja daripada responden yang menjawab bahagian ini menyatakan akhlak

mereka sedikitpun tidak berubah walaupun telah menerima didikan dan asuhan daripada KAGAT.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Pandangan Responden Terhadap Sumbangan KAGAT Dalam Masalah Pengharaman arak Dan Kebenaran Memakai Tudung Dalam ATM

Jadual 5.4.1 (f) Tahap Pandangan Responden Terhadap Sumbangan KAGAT Dalam Masalah Pengharaman arak Dan Kebenaran Memakai Tudung Dalam ATM

Sumbangan KAGAT	Bil. Responden	Peratus
Setuju	84	93.3 %
Kurang Setuju	6	6.7 %
Tidak Setuju	0	0 %
Jumlah	90	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Hasil daripada analisis soalan 12 iaitu pandangan Responden terhadap sumbangan KAGAT dalam menghapuskan gejala arak dalam kem dan kebenaran memakai tudung bagi pranita (Lihat Lampiran 1) kita akan dapati bahawa 93.3 % atau 84 orang daripada responden menyokong penuh pernyataan bahawa hapusnya gejala arak dalam kem dan kebenaran memakai tudung terhadap pranita merupakan antara sumbangan KAGAT yang dapat dilihat dalam membangunkan akhlak warga

*

tentera. 6.7 % atau 6 orang sahaja yang kurang bersetuju manakala hasil daripada analisis ini juga mendapati bahawa tiada seorangpun di kalangan responden yang langsung tidak mengiktiraf sumbangan yang telah diberikan oleh KAGAT.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Sokongan Responden Terhadap Usaha Pembentukan Akhlak Warga Tentera Yang Dilakukan Oleh KAGAT

Jadual 5.4.1 (g) Tahap Sokongan Responden Terhadap Usaha Pembentukan Akhlak Warga Tentera Yang Dilakukan Oleh KAGAT

Tahap Sokongan	Bil. Responden	Peratus
Sokong	89	98.9 %
Kurang Menyokong	1	1.1 %
Tidak Menyokong	0	0 %
Jumlah	90	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Jika dilihat kepada hasil analisis soalan 13 iaitu pandangan Responden terhadap sokongan yang perlu diberikan kepada KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera (Lihat Lampiran 1) kita akan dapati bahawa 98.9 % atau 89 orang daripada responden menyokong penuh pernyataan bahawa sokongan perlu diberikan kepada KAGAT. 1.1 % atau hanya seorang sahaja yang kurang menyokong manakala hasil daripada analisis ini juga mendapati bahawa tiada

seorangpun di kalangan responden yang menentang usaha-usaha pembangunan akhlak yang telah dibuat oleh KAGAT.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Keberkesanan Didikan KAGAT Terhadap Responden Dalam Konteks Hubungan Mereka Dengan Allah (s.w.t.)

Jadual 5.4.1(h) Tahap Keberkesanan Didikan KAGAT terhadap Responden Dalam Konteks Hubungan Mereka Dengan Allah (s.w.t.)

Tahap Keberkesanan	Bil. Responden	Peratus
Berkesan	53	58.9 %
Kurang Berkesan	35	38.9 %
Tidak Berkesan	2	2.2 %
Jumlah	90	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Daripada analisis yang dibuat berdasarkan kepada soalan 14 iaitu berkenaan dengan pengakuan responden bahawa mereka menjaga akhlak dengan Tuhan disebabkan terkesan dengan ajaran dan asuhan KAGAT (Lihat Lampiran 1) penulis mendapati bahawa 58.9 % atau 53 orang daripada responden menyokong penuh pernyataan tersebut. mereka mengakui bahawa didikan dan asuhan yang mereka terima daripada KAGAT banyak mempengaruhi hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.) terutamanya perkara-perkara asas dalam agama seperti solat, puasa dan

sebagainya. 38.9 % atau 35 orang daripada mereka kurang bersetuju, manakala hanya 2.2 % atau 2 orang sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan yang telah diberikan.

Analisis Soal Selidik Tentang Persoalan Berlakunya Gejala Keruntuhan Akhlak Dalam ATM Disebabkan Individu Terbabit Belum Bersedia Untuk Berubah

Jadual 5.4.1(i) Tahap Pengakuan Responden Terhadap Gejala Berlakunya Keruntuhan Akhlak Dalam ATM Disebabkan Individu Terbabit Belum Bersedia Untuk Berubah

Keruntuhan Akhlak Warga ATM	Bil. Responden	Peratus
Setuju	70	77.8 %
Kurang Setuju	15	16.7 %
Tidak Setuju	4	4.4 %
Tidak Memberikan Jawapan	1	1.1 %
Jumlah	90	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Soalan 15 daripada bahagian ini ialah berkenaan dengan sebab berlakunya masalah keruntuhan akhlak dalam ATM (Lihat Lampiran 1). Berlakunya fenomena tersebut mengikut perkiraan responden adalah disebabkan individu terbabit

*

sebenarnya masih belum mahu mengubah akhlaknya menjadi manusia yang baik dan **bukan** disebabkan KAGAT gagal melaksanakan tanggungjawabnya membangunkan akhlak warga tentera. Pandangan yang sedemikian merupakan pandangan majoriti responden. Peratus yang telah diberikan adalah sebanyak 77.8 % atau 70 orang. Berbeza dengan sebaliknya di mana 16.7 % atau 15 orang menyatakan kurang bersetuju dan hanya 4.4 % atau 4 orang sahaja daripada responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas dengan maksud KAGAT perlu dipertanggungjawabkan di atas permasalahan akhlak yang berlaku dalam ATM. 1.1 % atau seorang sahaja di kalangan responden mengambil sikap berkecuali dan tidak memberikan sebarang jawapan terhadap persoalan tersebut.

5.4.2 BAHAGIAN C : ANALISIS AKHLAK WARGA TENTERA DENGAN ALLAH (S.W.T.)

Dalam bahagian ini, sebanyak 9 soalan (soalan 16 -24) telah diajukan kepada responden bagi menilai hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.) penulis telah mengedarkan sendiri borang kajiselidik tersebut terhadap 114 orang responden. Hasil daripadanya didapati kesemua responden telah memberikan jawapan sebagaimana yang dikehendaki. Oleh itu analisis di bahagian ini telah dapat dilakukan oleh penulis terhadap keseluruhan soalan kajiselidik tersebut. Antara soalan yang dikemukakan oleh penulis di dalam bahagian ini ialah soalan 16 status diri responden. Soalan 17 komitmen responden terhadap kewajipan bersolat. Soalan 18 komitmen terhadap solat secara berjemaah. Soalan 19 keupayaan membaca al-Qurān dengan betul.

Soalan 20 komitmen terhadap penjagaan aurat. Soalan 21 kesungguhan melaksanakan puasa di bulan Ramadhan. Soalan 22 keperihatinan terhadap solat isteri dan anak-anak. Soalan 23 tanggungjawab memastikan anak menerima asuhan membaca al-Qurān apabila memasuki alam persekolahan. Soalan 24 keperihatinan terhadap aurat isteri di khalayak ramai.

Analisis Soal Selidik Tentang Status Diri Responden.

Jadual 5.4.2 (a) : Status Diri Responden

Status Diri	Bil. Responden	Peratus
Bujang	6	5.3 %
Berkahwin	108	94.7 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Analisis soalan 16 ialah mengenal pasti status diri responden. Penulis memasukkan soalan berkenaan dengan status diri responden sebagai sebahagian daripada soalan yang dikemukakan di bahagian C adalah kerana perkahwinan itu merupakan sebahagian daripada jalan untuk berakhhlak dengan Allah (s.w.t.). Ini adalah kerana dengan jalan perkahwinan, seseorang itu boleh menghindarkan diri daripada terjebak dengan perzinaan. (Lihat Lampiran 1). Penulis mendapati bahawa 94.7% atau 108 orang daripada responden merupakan warga tentera yang sudah

berkahwin. Manakala hanya 5.3 % atau 6 orang sahaja di kalangan responden yang belum lagi mendirikan rumah tangga.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Penjagaan Solat Fardhu Responden Dalam Kehidupan Seharian.

Jadual 5.4.2 (b) : Tahap Penjagaan Solat Fardhu Responden Dalam Kehidupan Seharian.

Tahap Penjagaan Solat	Bil. Responden	Peratus
Dilaksanakan	73	64 %
Kurang Dilaksanakan	22	19.3 %
Tidak Dilaksanakan	19	16.7 %
Tidak Memberikan Jawapan	0	0 %
Jumlah	114	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Berdasarkan kepada analisis soalan 17 iaitu tahap komitmen responden terhadap penjagaan solat fardhu dalam kehidupan sehari-hari (Lihat Lampiran 1). Penulis mendapati bahawa 64 % atau 73 orang daripada responden komited terhadap penjagaan solat fardhu. 19.3 % atau 22 orang pula kurang komited terhadap suruhan agama tersebut, manakala hanya 16.7 % atau 19 orang sahaja di kalangan responden yang tidak menunaikan solat fardhu yang telah diwajibkan di dalam Islam. Daripada analisa soalan 16 ini, penulis dapat membuat tanggapan bahawa tahap penjagaan

solat fardhu di kalangan warga tentera masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Komitmen yang kurang memuaskan ini perlu diberikan perhatian bagi menjamin kualiti ketenteraan di Malaysia sentiasa berada di tahap yang maksima lebih-lebih lagi majoriti daripada kalangan warga tentera merupakan golongan yang berbangsa melayu dan beragama Islam. Justeru itu sewajarnyalah penjagaan solat fardhu perlu menjadi keutamaan kerana ianya merupakan tiang kepada agama. Penulis berpandangan bahawa ketidakperhatian di dalam melaksanakan solat akan menyumbang kepada berlakunya masalah akhlak kerana apabila individu tersebut semakin jauh dengan penciptanya maka sudah pasti mereka akan berani melakukan perkara-perkara yang negatif.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Penjagaan Solat Jemaah Responden Dalam Kehidupan Seharian.

Jadual 5.4.2 (c) : Tahap Penjagaan Solat Jemaah Responden Dalam Kehidupan Seharian.

Tahap Penjagaan Solat Jemaah	Bil. Responden	Peratus
Dilaksanakan	52	45.6 %
Kurang Dilaksanakan	34	29.8 %
Tidak Dilaksanakan	27	23.7 %
Tidak Memberikan Jawapan	1	0.9 %
Jumlah	114	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Soalan 18 menguji tahap komitmen responden terhadap penjagaan solat jemaah dalam kehidupan seharian. (Lihat Lampiran 1) penulis mendapati bahawa 45.6% atau 52 orang daripada responden komited terhadap penjagaan solat secara berjemaah. 29.8% atau 34 orang pula kurang komited terhadap perkara yang menjadi tuntutan fardhu kifayah tersebut, manakala 23.7 % atau 27 orang sahaja di kalangan responden yang tidak melaksanakan solat secara berjemaah.

Daripada kajiselidik yang dibuat juga mendapati hanya 0.9 % atau seorang sahaja daripada responden tidak memberikan jawapan terhadap soalan yang dikemukakan. Penulis cuba mendapat keterangan lanjut berkenaan dengan faktor kenapakah mereka tidak melaksanakan solat secara berjemaah. Hasil daripada temubual yang penulis lakukan terhadap 17 responden mendapati jawapan yang mereka berikan hampir sama iaitu solat di rumah juga diterima oleh Tuhan di samping ada yang memberikan alasan masjid jauh daripada tempat kediaman.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Penguasaan Pembacaan Al-Qurān Responden.

Jadual 5.4.2 (d) : Tahap Penguasaan Pembacaan al-Qurān Responden.

Tahap Penguasaan al-Qurān	Bil. Responden	Peratus
Boleh Membaca	32	28.1 %
Kurang Boleh Membaca	57	50 %
Tidak Boleh Membaca	24	21 %
Tidak Memberikan Jawapan	1	0.9 %
Jumlah	114	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Analisis soalan 19 ialah menguji tahap penguasaan responden terhadap pembacaan al-Qurān. (Lihat Lampiran 1). penulis mendapat bahawa 28.1% atau 32 orang daripada responden mampu untuk membaca al-Qurān dengan baik. 50% atau 57 orang pula kurang berkemampuan untuk membaca al-Qurān. Manakala 21 % atau 24 orang sahaja di kalangan responden yang langsung tidak berkemampuan untuk membaca al-Qurān. Seorang di kalangan responden tidak memberikan jawapan terhadap persoalan di atas.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Penjagaan Aurat Responden.

Jadual 5.4.2 (e) : Tahap Penjagaan Aurat Responden.

Tahap Penjagaan Aurat	Bil. Responden	Peratus
Menjaga Aurat	76	66.7 %
Kurang Menjaga Aurat	35	30.7 %
Tidak Menjaga Aurat	3	2.6 %
Tidak Memberikan Jawapan	0	0 %
Jumlah	114	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Sebagai organisasi yang bergerak dalam ATM dengan bermottokan cogankata “*Berjuang Berakhhlak*” penulis telah membuat kajiselidik bagi mengenal pasti komited warga tentera dalam masalah penjagaan aurat. Penulis merasakan bahawa penjagaan aurat dalam kehidupan warga tentera amat penting bagi menjana akhlak mereka sejajar dengan kehendak Islam. Daripada analisis yang dibuat terhadap soalan 20 iaitu menguji tahap penjagaan aurat responden (Lihat Lampiran 1), penulis mendapati bahawa 66.7% atau 76 orang daripada responden mengakui bahawa mereka sentiasa menjaga aurat pada sebilang masa. 30.7 % atau 35 orang menyatakan kurang mengambil berat terhadap penjagaan aurat. Manakala hanya 2.6 % atau 3 orang sahaja di kalangan responden yang langsung tidak sensitif dengan masalah penjagaan aurat.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Pelaksanaan Ibadat Puasa Responden Di Bulan Ramadhan.

Jadual 5.4.2 (f) : Tahap Pelaksanaan Ibadat Puasa Di Bulan Ramadhan.

Tahap Pelaksanaan Puasa	Bil. Responden	Peratus
Berpuasa Penuh	69	60.5 %
Tidak Berpuasa Penuh	36	31.6 %
Tidak Berpuasa Langsung	7	6.1 %
Tidak Memberikan Jawapan	2	1.8 %
Jumlah	114	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Bagi soalan 21 iaitu menguji tahap pelaksanaan ibadat puasa responden (Lihat Lampiran 1). Penulis mendapati bahawa 60.5 % atau 69 orang daripada responden mengakui bahawa mereka sentiasa memastikan ibadah puasa yang mereka jalani cukup selama sebulan. 31.6 % atau 36 orang menyatakan tidak melaksanakan ibadah tersebut secara sempurna. Manakala 6.1 % atau 7 orang memberikan pengakuan langsung tidak berpuasa dan 1.8 % atau dua orang di kalangan responden pula tidak memberikan jawapan kepada soalan tersebut.

Analisis Soal Selidik Tentang Keperihatinan Responden Terhadap Solat Isteri Dan Anak-Anak..

Jadual 5.4.2 (g) : Tahap Keperihatinan Responden Terhadap Solat Isteri Dan Anak –Anak.

Tahap Keperihatinan	Bil. Responden	Peratus
Perihatin	75	65.8 %
Kurang Perihatin	29	25.4 %
Tidak Perihatin	4	3.5 %
Tidak Memberikan Jawapan	6	5.3 %
Jumlah	114	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Kajiselidik bagi soalan 22 adalah berkisar dalam mengenalpasti keperihatinan responden melaksanakan tanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak dalam konteks hubungan dengan Allah (s.w.t.). Penulis memasukkan pegangan agama keluarga warga tentera sebagai sebahagian daripada analisis dan kajian penulis dalam menilai pencapaian KAGAT dalam perjuangan mereka ialah kerana institusi kekeluargaan memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan moral kepada profesion ketenteraan. Keluarga yang berjaya dididik dengan kefahaman Islam yang betul akan menambahkan lagi motivasi warga tentera dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Ianya juga penting bagi penulis kerana sejauhmaka sesebuah keluarga itu

komited terhadap agamanya secara tidak langsung melambangkan keberkesanannya peranan KAGAT dalam mendidik akhlak warga tentera dapat pula diterapkan ke dalam keluarga mereka. Jika ini berlaku ianya bermakna KAGAT bukan sahaja berjaya mendidik warga tentera malah lebih dari itu pengajaran dan didikan KAGAT berjaya pula dilaksanakan dalam kehidupan berkeluarga warga tentera. Ini merupakan kejayaan yang paling berharga buat KAGAT.

hasil daripada jawapan yang telah diberikan oleh pihak responden, penulis mendapati 65.8 % atau 75 orang daripada responden menyedari akan tanggungjawab ini sekali gus membuktikan bahawa kewajipan berakhlik dengan Allah (s.w.t.) telah dapat dipraktikkan dalam kehidupan berkeluarga. 25.4 % atau 29 orang kurang perihatin terhadap tanggungjawab ini manakala hanya 3.5% atau 4 orang daripada responden langsung tidak perihatin terhadap tanggungjawab tersebut. 5.3 % atau 6 orang di kalangan responden tidak memberikan sebarang jawapan.

Analisis Soal Selidik Tentang Keperihatinan Responden Terhadap Pendidikan al-Qurān Anak.

Jadual 5.4.2 (h) : Tahap Keperihatinan Responden Terhadap pendidikan al-Qurān Anak-Anak.

Tahap Keperihatinan	Bil. Responden	Peratus
Perihatin	100	87.7 %
Kurang Perihatin	6	5.3 %
Tidak Perihatin	0	0 %
Tidak Memberikan Jawapan	8	7 %
Jumlah	114	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Daripada analisis yang dibuat berdasarkan kepada soalan 23 iaitu berkenaan dengan keperihatinan responden terhadap pendidikan al-Qurān anak-anak (Lihat Lampiran 1) penulis mendapat bahawa 87.7 % atau 100 orang dari kalangan responden telah melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan memastikan anak-anak mereka sudah menerima asuhan al-Qurān apabila mereka mula menjelaki alam persekolahan. 5.3 % atau 6 orang kurang perihatin terhadap tanggungjawab tersebut. Analisis ini juga mendapat tiada seorangpun di kalangan responden yang langsung terus mengabaikan tanggungjawab ini. manakala 7 % atau 8 orang daripada responden tidak memberikan sebarang jawapan.

Analisis Soal Selidik Tentang Tahap Keperihatinan Responden Terhadap Penjagaan Aurat Isteri.

Jadual 5.4.2 (i) : Tahap Keperihatinan Responden Terhadap Penjagaan Aurat Isteri.

Tahap Keperihatinan	Bil. Responden	Peratus
Perihatin	98	86 %
Kurang Perihatin	9	7.9 %
Terserah Kepada Isteri	3	2.6 %
Tidak Memberikan Jawapan	4	3.5 %
Jumlah	114	100 %

Sumber : Kertas Soal Selidik

Soalan 24 daripada bahagian ini ialah analisis berkenaan dengan keperihatinan responden terhadap penjagaan aurat isteri (Lihat Lampiran 1). Penulis mendapati bahawa 86 % atau 98 orang dari kalangan responden telah menyatakan mereka sentiasa memastikan isteri menutup aurat apabila berhadapan dengan lelaki yang bukan *mahram*. 7.9 % atau 9 orang kurang perihatin terhadap aurat isteri. Analisis ini juga mendapati 2.6 % atau 3 orang daripada responden pula hanya menyerahkan perkara tersebut kepada isteri mereka dan terpulanglah kepada isteri

samada hendak menjaga aurat ataupun tidak. Manakala 3.5 % atau 4 orang daripada responden tidak memberikan sebarang tindakbalas terhadap persoalan tersebut.

Hasil daripada analisis di bahagian C ini, penulis dapat mengukur tahap komitmen anggota ATM terhadap Allah (s.w.t.) yang mana ia juga menjadi asas pembentukan akhlak murni dan seterusnya akan memudahkan usaha-usaha pembentukan akhlak warga tentera yang ingin dilakukan oleh KAGAT.

5.5 PERBANDINGAN LATAR BELAKANG RESPONDEN DAN TAHAP KOMITMEN MEREKA TERHADAP SURUHAN ALLAH (S.W.T.)

Perbandingan latar belakang responden dan komitmen mereka terhadap hubungan dengan Allah (s.w.t.) dianalisa terhadap 90 responden sahaja kerana 24 daripada responden tidak menjawab soalan di bahagian A. latar belakang responden yang dibuat perbandingan berdasarkan 3 aspek iaitu umur, tempoh perkhidmatan, dan tempat bekerja. Ini adalah kerana daripada 6 soalan yang dikemukakan pada bahagian A, 3 soalan sahaja yang melibatkan *profesjon* responden manakala baki 3 soalan lagi hanya berkisar kepada sejarah kehidupan responden sebelum terlibat dengan profesion ketenteraan.

Jadual perbandingan yang akan dibuat oleh penulis melibatkan 3 latar belakang responden yang telah dianalisis, kemudian ianya akan dibandingkan dengan analisis yang telah diperolehi oleh penulis terhadap soalan-soalan di bahagian C. Ini

adalah kerana persoalan di bahagian tersebut merupakan persoalan yang berkaitan dengan akhlak responden dengan Allah (s.w.t.)

5.5.1 Perbandingan Umur Responden Dan Tahap Komitmen Tertinggi Dan Terendah Mereka Terhadap Suruhan Allah (s.w.t.)

Jadual 5.5.1 : Perbandingan Umur Responden Dan Tahap Komitmen Tertinggi Dan Terendah Mereka Terhadap Suruhan Allah (s.w.t.)

Umur	Bil	Solat	Solat	Bacaan	Jaga	Puasa	Solat	Qurān	Aurat
	Resp	Fardhu	Jemaah	Qurān	Aurat	Ramd	Anak	Anak	Isteri
20an	8	5	1	1	4	2	3	5	5
30an	78	56	49	22	38	50	49	58	51
40an	4	4	2	3	4	4	4	3	3
Jum	90	65	52	26	46	56	56	66	59
%		72.2	57.8	28.9	51.1	62.2	62.2	73.3	65.6

Sumber : Kertas kajiselidik

Daripada analisis perbandingan di atas, penulis mendapat 8 orang daripada responden berumur dalam lingkungan 20 tahun ke atas, 78 orang 30 tahun ke atas dan 4 orang berumur 40 tahun ke atas. Daripada analisis yang dibuat mendapat bahawa 5 orang daripada responden yang berumur 20 tahun ke atas menjaga solat 5 waktu, seorang menjaga solat jemaah, seorang tahu membaca al-Qurān, 4 orang

menjaga aurat, 2 orang menjaga puasa Ramadhan, 3 orang memastikan anak bersolat, 5 orang memastikan anak mendapat didikan membaca al-Qurān ketika memasuki alam persekolahan dan 5 orang memastikan isteri menutup aurat ketika keluar rumah.

Hasil daripada statistik mendapati bahawa bagi responden yang berumur 20 tahun ke atas, pencapaian yang paling tinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) ialah dalam masalah memastikan didikan al-Qurān anak , penjagaan aurat isteri dan kewajipan solat fardhu. Jumlahnya seramai 5 orang atau 62.5 %. Kelemahan yang paling ketara pula ialah dalam masalah solat jemaah dan kefasihan membaca al-Qurān. Jumlahnya seorang atau 12.5 %

Bagi responden yang berumur tiga puluh tahun ke atas pula, penulis mendapati daripada 78 orang yang berada di tahap umur ini, 56 orang daripada mereka menjaga solat 5 waktu, 49 orang menjaga solat jemaah, 22 orang tahu membaca al-Qurān, 38 orang menjaga aurat, 50 orang menjaga puasa Ramadhan, 49 orang memastikan anak bersolat, 58 orang memastikan anak mendapat didikan membaca al-Qurān ketika memasuki alam persekolahan dan 51 orang memastikan isteri menutup aurat ketika keluar rumah.

Hasil daripada statistik mendapati bahawa bagi responden yang berumur 30 tahun ke atas, pencapaian yang paling tinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) ialah memastikan anak-anak diberikan didikan al-Qurān apabila mula

memasuki alam persekolahan. Jumlahnya seramai 58 orang atau 74.3 %. Kelemahan yang paling ketara pula ialah dalam masalah kefasihan membaca al-Qurān. Jumlahnya seramai 22 orang atau 28.2 %

Bagi responden yang berumur empat puluh tahun ke atas, penulis mendapati mereka yang berada di peringkat umur ini hanya 4 orang sahaja. Daripada bilangan tersebut, 4 orang daripada mereka menjaga solat fardhu, 2 orang menjaga solat jemaah, 3 orang tahu membaca al-Qurān, 4 orang menjaga aurat, 4 orang menjaga puasa Ramadhan, 4 orang memastikan anak bersolat, 3 orang memastikan anak mendapat didikan membaca al-Qurān ketika memasuki alam persekolahan dan 3 orang memastikan isteri menutup aurat ketika keluar rumah.

Hasil daripada statistik mendapati bahawa bagi responden yang berumur 40 tahun ke atas, pencapaian yang paling tinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) ialah dalam masalah solat fardhu, penjagaan aurat, pelaksanaan puasa Ramadhan dan penjagaan solat anak, Jumlahnya seramai 4 orang atau 100 %. Kelemahan yang paling ketara pula ialah dalam masalah penjagaan solat jemaah. Jumlahnya seramai 2 orang atau 50 %

Peratus keseluruhan yang didapati hasil daripada perbandingan yang telah dibuat berdasarkan kepada peringkat umur responden ialah 72.2 % dari kalangan responden komited dengan solat fardhu, 57.8 % komited dengan solat jemaah, 28.9 peratus tahu membaca al-Qurān, 51.1 % menjaga aurat pada sebilang masa, 62.2 %

berpuasa sepenuhnya pada bulan Ramadhan, 62.2 % memastikan anak bersolat, 73.3 % memastikan anak yang mula memasuki alam persekolahan menerima asuhan membaca al-Quran dan 65.6 % di kalangan responden memastikan isteri mereka menutup aurat apabila keluar daripada rumah.

Daripada peratusan yang diperolehi, penulis mendapati bahawa kesemua jawapan yang telah diberikan oleh pihak responden berada di tahap lulus iaitu melebihi markah 50 % kecuali dalam masalah pembacaan al-Qurān responden. Jumlah peratus yang diperolehi hanyalah sekadar 28.9 % sahaja. Pihak KAGAT perlu mengambil perhatian serius dalam masalah ini.

Peratus keseluruhan tertinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) berdasarkan umur responden ialah 73.3 % iaitu memastikan anak menerima asuhan al-Qurān apabila sampai masanya. Manakala peratusan terendah keseluruhan pula ialah 28.9 % iaitu dalam masalah kefasihan pembacaan al-Qurān responden.

5.5.2 Perbandingan Tempoh Perkhidmatan Responden Dan Tahap

Komitmen Tertinggi Dan Terendah Mereka Terhadap Suruhan Allah (s.w.t.)

Jadual 5.5.2 : Perbandingan Tempoh Perkhidmatan Responden Dan Tahap

Komitmen Tertinggi Dan Terendah Mereka Terhadap Suruhan Allah (s.w.t.)

Tempoh Khidmat	Bil Resp	Solat Fardhu	Solat Jemaah	Bacaan Quran	Jaga aurat	Puasa Ramd	Solat anak	Quran anak	Aurat isteri
5 - 9 thn	9	6	2	2	4	2	4	6	6
10 -14thn	33	22	21	6	22	20	22	28	28
15 -20thn	48	34	26	19	33	33	38	48	44
Jum	90	62	49	27	59	55	64	82	78
%		68.9	54.4	30	65.6	61.1	71.1	91.1	86.7

Sumber : Kertas kajiselidik

Daripada analisis perbandingan di atas, penulis mendapati 9 orang daripada responden telah berkhidmat lebih daripada lima tahun, 33 orang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dan 48 orang telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun. Daripada statistik tersebut mendapati bahawa 6 orang daripada responden yang telah berkhidmat lebih daripada 5 tahun menjaga solat 5 waktu, 2 orang menjaga solat jemaah, 2 orang tahu membaca al-Qurān, 4 orang menjaga aurat, 2 orang menjaga puasa Ramadhan, 4 orang memastikan anak bersolat, 6 orang memastikan anak

mendapat didikan membaca al-Qurān ketika memasuki alam persekolahan dan 6 orang memastikan isteri menutup aurat ketika keluar rumah.

Hasil daripada statistik mendapati bahawa bagi responden yang telah berkhidmat lebih daripada 5 tahun, pencapaian yang paling tinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) ialah dalam masalah memastikan didikan al-Qurān anak, penjagaan aurat isteri dan melaksanakan kewajipan solat fardhu. Jumlahnya seramai 6 orang atau 66.7 %. Kelemahan yang paling ketara pula ialah dalam masalah solat jemaah, kefasihan membaca al-Qurān dan melaksanakan ibadah puasa bulan Ramadhan. Jumlahnya seramai 2 orang atau 22.2 %

Bagi responden yang telah berkhimat lebih daripada 10 tahun pula, penulis mendapati daripada 33 orang yang berada di tahap umur ini, 22 orang daripada mereka menjaga solat 5 waktu, 21 orang menjaga solat jemaah, 6 orang tahu membaca al-Qurān, 22 orang menjaga aurat, 20 orang menjaga puasa Ramadhan, 22 orang memastikan anak bersolat, 28 orang memastikan anak mendapat didikan membaca al-Qurān ketika memasuki alam persekolahan dan 28 orang memastikan isteri menutup aurat ketika keluar rumah.

Hasil daripada statistik mendapati bahawa bagi responden yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun, pencapaian yang paling tinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) ialah dalam masalah memastikan didikan al-Qurān anak dan penjagaan aurat isteri Jumlahnya seramai 28 orang atau 84.8 %.

Kelemahan yang paling ketara pula ialah dalam masalah kefasihan membaca al-Qurān. Jumlahnya seramai 6 orang atau 18.2 %

Bagi responden yang telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun pula, penulis mendapati mereka yang telah berkhidmat dalam jangkamasa tersebut adalah seramai 48 orang. Daripada bilangan tersebut, 34 orang atau 70.8 % daripada mereka menjaga solat fardhu, 26 orang atau 54.2 % menjaga solat jemaah, 19 orang atau 39.6 % tahu membaca al-Qurān, 33 orang atau 68.8 % menjaga aurat, 33 orang atau 68.8 % menjaga puasa Ramadhan, 38 orang atau 79.2 % memastikan anak bersolat, 48 orang atau 100 % memastikan anak mendapat didikan membaca al-Qurān ketika memasuki alam persekolahan dan 44 orang atau 91.7 % memastikan isteri menutup aurat ketika keluar rumah.

Statistik yang diperolehi hasil daripada perbandingan tersebut mendapati bahawa bagi responden yang telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun, pencapaian yang paling tinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) ialah dalam masalah memastikan didikan al-Qurān anak dilaksanakan apabila sampai masanya. Jumlahnya seramai 48 orang atau 100 %. Kelemahan yang paling ketara pula ialah kefasihan membaca al-Quran. Jumlahnya seramai 19 orang atau 39.6 %

Peratus keseluruhan yang didapati hasil daripada perbandingan yang telah dibuat berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan responden ialah 68.9% dari kalangan responden komited dengan solat fardhu, 54.4 % komited dengan solat

jemaah, 30 peratus tahu membaca al-Qurān, 65.6 % menjaga aurat pada sebilang masa, 61.1 % berpuasa sepenuhnya pada bulan Ramadhan, 71.1 % memastikan anak bersolat, 91.1% memastikan anak yang mula memasuki alam persekolahan menerima asuhan membaca Al-Quran dan 86.7 % di kalangan responden memastikan isteri mereka menutup aurat apabila keluar daripada rumah.

Daripada peratusan keseluruhan yang diperolehi, penulis mendapati bahawa kesemua jawapan yang telah diberikan oleh pihak responden berada di tahap lulus iaitu melebihi markah 50 % kecuali dalam masalah pembacaan al-Qurān responden. Jumlah peratus yang diperolehi hanyalah 30% sahaja. Pihak KAGAT perlu mengambil perhatian serius dalam masalah ini.

Peratus keseluruhan tertinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) berdasarkan tempoh perkhidmatan responden ialah 91.1 % iaitu memastikan anak menerima asuhan al-Qurān apabila sampai masanya. Manakala peratusan terendah ialah 30 % iaitu dalam masalah kefasihan pembacaan al-Qurān responden.

*

5.5.3 Perbandingan Tempat Bekerja Responden Dan Tahap Komitmen Tertinggi Dan Terendah Mereka Terhadap Suruhan Allah (s.w.t.)

Jadual 5.5.3 : Perbandingan Tempat Bekerja Responden Dan Tahap Komitmen Tertinggi Dan Terendah Mereka Terhadap Suruhan Allah (s.w.t.)

Tempat Bekerja	Bil Resp	Solat Fardhu	Solat Jemaah	Bacaan Quran	Jaga aurat	Puasa Ramd	Solat anak	Quran anak	Aurat isteri
2 Div	24	17	12	5	16	14	15	21	19
3 Div	36	27	20	12	21	22	21	34	31
4 Div	30	18	17	10	21	18	25	27	27
Jum	90	62	49	27	58	54	61	82	77
%		68.9	54.4	30	64.4	60	67.8	91.1	85.6

Sumber : Kertas kajiselidik

Analisis perbandingan yang dibuat oleh penulis seperti di atas, mendapati 24 orang daripada responden sedang berkhidmat di kawasan 2 divisyen, 36 orang sedang berkhidmat di kawasan 3 Divisyen dan 30 orang sedang berkhidmat di kawasan 4 Divisyen. Daripada statistik tersebut penulis mendapati bahawa 17 orang atau 70.8 % daripada responden yang sedang berkhidmat di kawasan 2 Divisyen menjaga solat 5 waktu, 12 orang atau 50 % menjaga solat jemaah, 5 orang atau 20.8 % tahu membaca al-Qurān, 16 orang atau 66.7 % menjaga aurat, 14 orang atau 58.3 % menjaga puasa Ramadhan, 15 orang atau 62.5 % memastikan anak bersolat, 21

orang atau 87.5 % memastikan anak mendapat didikan membaca al-Qurān ketika memasuki alam persekolahan dan 19 orang atau 79.2 % memastikan isteri menutup aurat ketika keluar rumah.

Hasil daripada statistik mendapati bahawa bagi responden yang sedang berkhidmat di kawasan 2 Divisyen, pencapaian yang paling tinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t) ialah dalam masalah memastikan didikan al-Qurān anak, jumlahnya seramai 21 orang atau 87.5 %. Kelemahan yang paling ketara pula ialah dalam masalah kefasihan membaca al-Qurān. Jumlahnya seramai 5 orang atau 20.8 %

Bagi responden yang sedang berkhidmat di kawasan 3 divisyen pula, penulis mendapati daripada 36 orang yang berkhidmat di kawasan ini, 27 orang atau 75 % daripada mereka menjaga solat fardhu, 20 orang atau 55.6 % menjaga solat jemaah, 12 orang atau 33.3 % tahu membaca al-Qurān, 21 orang atau 58.3 % menjaga aurat, 22 orang atau 61.1 % menjaga puasa Ramadhan, 21 orang atau 58.3 % memastikan anak bersolat, 34 orang atau 94.4 % memastikan anak mendapat didikan membaca al-Qurān ketika memasuki alam persekolahan dan 31 orang atau 86.1 % memastikan isteri menutup aurat ketika keluar rumah.

Hasil daripada statistik mendapati bahawa bagi responden yang sedang berkhidmat di kawasan 3 Divisyen, pencapaian yang paling tinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t) ialah dalam masalah memastikan didikan al-Qurān

anak diberikan perhatian apabila sampai masanya. Jumlahnya seramai 34 orang atau 94.4 %. Kelemahan yang paling ketara pula ialah dalam masalah kefasihan membaca al-Qurān. Jumlahnya seramai 12 orang sahaja atau 33.3 %.

Bagi responden yang sedang berkhidmat di kawasan 4 Divisyen pula, penulis mendapati mereka yang sedang berkhidmat di kawasan tersebut adalah seramai 30 orang. Daripada bilangan tersebut, 18 orang atau 60 % daripada mereka menjaga solat fardhu, 17 orang atau 56.7 % menjaga solat jemaah, 10 orang atau 33.3 % tahu membaca al-Qurān, 21 orang atau 70 % menjaga aurat, 18 orang atau 60 % menjaga puasa Ramadhan, 25 orang atau 83.3 % memastikan anak bersolat, 27 orang atau 90 % memastikan anak mendapat didikan membaca al-Qurān ketika memasuki alam persekolahan dan 27 orang atau 90 % memastikan isteri menutup aurat ketika keluar rumah.

Statistik yang diperolehi hasil daripada perbandingan tersebut mendapati bahawa bagi responden yang sedang berkhidmat di kawasan 4 Divisyen, pencapaian yang paling tinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) ialah dalam masalah penjagaan aurat isteri dan memastikan didikan al-Qurān anak dilaksanakan apabila sampai masanya. Jumlahnya seramai 27 orang atau 90 %. Kelemahan yang paling ketara pula ialah kefasihan membaca al-Qurān. Jumlahnya seramai 10 orang atau 33.3 %.

*
Peratus keseluruhan yang didapati hasil daripada perbandingan yang telah dibuat berdasarkan kepada tempat bekerja responden responden ialah 68.9 % daripada kalangan responden komited dengan solat fardhu, 54.4 % komited dengan solat jemaah, 30 % tahu membaca al-Qurān, 64.4 % menjaga aurat pada sebilang masa, 60 % berpuasa sepenuhnya pada bulan Ramadhan, 67.8 % memastikan anak bersolat, 91.1 % memastikan anak yang mula memasuki alam persekolahan menerima asuhan membaca al-Qurān dan 85.6 % di kalangan responden memastikan isteri mereka menutup aurat apabila keluar daripada rumah.

Daripada peratusan keseluruhan yang diperolehi oleh penulis, mendapati bahawa kesemua jawapan yang telah diberikan oleh pihak responden berada di tahap lulus iaitu melebihi markah 50 % kecuali dalam masalah pembacaan al-Qurān responden. Jumlah peratus yang diperolehi hanyalah 30% sahaja. Pihak KAGAT perlu mengambil perhatian dalam masalah ini.

Peratus keseluruhan tertinggi dalam menjaga hubungan dengan Allah (s.w.t.) berdasarkan tempat berkhidmat responden ialah 91.1 % iaitu memastikan anak menerima asuhan al-Qurān apabila sampai masanya. Manakala peratusan terendah ialah 30 % iaitu dalam masalah kefasihan pembacaan al-Qurān responden.

5.5.4 Susunan Kedudukan Tertinggi Keseluruhan Berdasarkan Kepada Umur Responden

Jadual 5.5.4 : Susunan Kedudukan Tertinggi Keseluruhan Berdasarkan Kepada Umur Responden

Bil	Perkara	Jumlah	Peratus
1	Didikan al-Qurān anak	66 orang	73.3 %
2	Penjagaan solat fardhu	65 orang	72.2 %
3	Penjagaan aurat isteri	59 orang	65.6 %
4	Puasa Ramadhan	56 orang	62.2 %
5	Penjagaan solat anak	56 orang	62.2 %
6	Solat jemaah	52 orang	57.8 %
7	Penjagaan aurat	46 orang	51.1 %
8	Kefasihan al-Qurān	26 orang	28.9 % *

* Gagal

Sumber : Borang Kajiselidik.

Daripada susunan kedudukan tertinggi berdasarkan kepada umur responden, markah terbaik yang telah diperolehi oleh responden ialah dari sudut memastikan anak mendapat didikan al-Qurān apabila mula memasuki alam persekolahan, markah yang diperolehi ialah sebanyak 73.3 %. Tempat kedua ialah penjagaan solat fardhu dengan pencapaian markah sebanyak 72.2 %, tempat ketiga penjagaan aurat isteri markahnya sebanyak 65.6 %, tempat keempat komitmen terhadap puasa Ramadhan markah yang diperolehi sebanyak 62.2 %, tempat kelima penjagaan solat anak

*
markahnya sebanyak 62.2 %, tempat keenam penjagaan solat jemaah markahnya sebanyak 57.8 %, tempat ketujuh penjagaan aurat responden markahnya sebanyak 51.1 % dan yang berada di kedudukan terakhir ialah dari sudut kemampuan responden membaca al-Qurān. Markah yang diperolehi hanyalah 28.9 %. Kesemua katagori yang diuji berada di tahap lulus kecuali dari sudut kemampuan pembacaan al-Qurān responden.

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan kepada analisis di atas, mendapatkan bahawa tahap hubungan responden dengan Allah (s.w.t.) berdasarkan kepada tahap umur adalah memuaskan kerana analisis yang dibuat terhadap jawapan responden kebanyakannya berada di tahap lulus. Hanya dalam masalah kefasihan membaca al-Qurān sahaja yang mengalami masalah yang agak ketara di mana peratusan yang diperolehi hanyalah 28.9 %. Begitu juga dengan masalah penjagaan aurat, peratusannya juga agak rendah, hanya 51.1 % sahaja. Berdasarkan kepada statistik yang diperolehi, KAGAT perlu memberikan perhatian kepada kedua-dua aspek berkenaan disebabkan peratusannya yang agak rendah.

5.5.5 Susunan Kedudukan Tertinggi Keseluruhan Berdasarkan Kepada Tempoh Perkhidmatan Responden

Jadual 5.5.5 : Susunan Kedudukan Tertinggi Keseluruhan Berdasarkan Kepada Tempoh Perkhidmatan Responden

Bil	Perkara	Jumlah	Peratus
1	Didikan al-Qurān anak	82 orang	91.1 %
2	Aurat isteri	78 orang	86.7 %
3	Solat anak	64 orang	71.1 %
4	Penjagaan solat fardhu	62 orang	68.9 %
5	Jaga aurat	59 orang	65.6 %
6	Puasa Ramadhan	55 orang	61.1 %
7	Solat Jemaah	49 orang	54.4 %
8	Kefasihan al-Qurān	27 orang	30 % *

* Gagal

Sumber : Borang Kajiselidik.

Daripada susunan kedudukan tertinggi berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan responden, markah terbaik yang telah diperolehi oleh responden ialah dari sudut memastikan anak mendapat didikan al-Qurān apabila mula memasuki alam persekolahan, markah yang diperolehi ialah sebanyak 91.1 %. Tempat kedua ialah penjagaan aurat isteri dengan pencapaian markah sebanyak 86.7 %, tempat ketiga penjagaan solat anak markahnya sebanyak 71.1 %, tempat keempat penjagaan solat fardhu markah yang diperolehi sebanyak 68.9 %, tempat kelima penjagaan

*
aurat sendiri markahnya sebanyak 65.6 %, tempat keenam komitmen terhadap puasa Ramadhan markahnya sebanyak 61.1 %, tempat ketujuh penjagaan solat jemaah markahnya sebanyak 54.4 % dan yang berada di kedudukan terakhir ialah dari sudut kemampuan responden membaca al-Qurān. Markah yang diperolehi hanyalah 30 %. Kesemua katagori yang diuji berada di tahap lulus kecuali dari sudut kemampuan pembacaan al-Qurān responden.

Kesimpulan yang diperolehi berdasarkan kepada analisis di atas, mendapat bahawa tahap hubungan responden dengan Allah (s.w.t.) berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan adalah memuaskan kerana analisis yang dibuat terhadap jawapan responden kebanyakannya berada di tahap lulus. Apa yang boleh dibanggakan daripada analisis di bahagian ini mendapat bahawa kesedaran memberikan didikan al-Qurān kepada anak – anak mencapai peratusan yang amat tinggi iaitu 91.1 %. Hanya dalam masalah kefasihan membaca al-Qurān sahaja yang mengalami masalah yang agak ketara di mana peratusan yang diperolehi hanyalah 30 %. Begitu juga dengan masalah solat jemaah, peratusannya juga agak rendah, hanya 54.4 % sahaja. Berdasarkan kepada statistik yang diperolehi berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan responden, KAGAT perlu memberikan perhatian kepada kedua-dua aspek berkenaan disebabkan peratusannya yang agak rendah.

5.5.6 Susunan Kedudukan Tertinggi Keseluruhan Berdasarkan Kepada Tempat Bekerja Responden

Jadual 5.5.6 : Susunan Kedudukan Tertinggi Keseluruhan Berdasarkan Kepada Tempat bekerja Responden

Bil	Perkara	Jumlah	Peratus
1	Didikan al-Qurān anak	82 orang	91.1 %
2	Aurat isteri	77 orang	85.6 %
3	Solat fardhu	62 orang	68.9 %
4	Solat anak	61 orang	67.8 %
5	Jaga aurat	58 orang	64.4 %
6	Puasa Ramadhan	54 orang	60 %
7	Solat Jemaah	49 orang	54.4 %
8	Kefasihan al-Qurān	27 orang	30 % *

* Gagal

Sumber : Borang Kajiselidik.

Daripada susunan kedudukan tertinggi berdasarkan kepada tempat perkhidmatan responden, markah terbaik yang telah diperolehi oleh responden ialah dari sudut memastikan anak mendapat didikan al-Qurān apabila mula memasuki alam persekolahan, markah yang diperolehi ialah sebanyak 91.1 %. Tempat kedua ialah penjagaan aurat isteri dengan pencapaian markah sebanyak 85.6 %, tempat

*
ketiga penjagaan solat fardhu markahnya sebanyak 68.9 %, tempat keempat penjagaan solat anak markah yang diperolehi sebanyak 67.8 %, tempat kelima penjagaan aurat sendiri markahnya sebanyak 64.4 %, tempat keenam komitmen terhadap puasa Ramadhan markahnya sebanyak 60 %, tempat ketujuh penjagaan solat jemaah markahnya sebanyak 54.4 % dan yang berada di kedudukan terakhir ialah dari sudut kemampuan responden membaca al-Qurān. Markah yang diperolehi hanyalah 30 %. Kesemua katagori yang diuji berada di tahap lulus kecuali dari sudut kemampuan pembacaan al-Qurān responden.

Hasil daripada analisis yang dibuat di bahagian ini, kesimpulan yang diperolehi berdasarkan kepada tempat bekerja responden dan tahap hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.) adalah memuaskan kerana analisis yang dibuat terhadap jawapan responden kebanyakannya berada di tahap lulus. Apa yang boleh dibanggakan daripada analisis di bahagian ini mendapati bahawa kesedaran memberikan didikan al-Qurān kepada anak-anak mencapai peratusan yang amat tinggi iaitu 91.1 %. Hanya dalam masalah kefasihan membaca al-Qurān sahaja yang mengalami masalah yang agak ketara di mana peratusan yang diperolehi hanyalah 30 %. Begitu juga dengan masalah solat jemaah, peratusannya juga agak rendah, hanya 54.4 % sahaja. Berdasarkan kepada statistik yang diperolehi berdasarkan kepada tempat bekerja responden, KAGAT perlu memberikan perhatian kepada kedua – dua aspek berkenaan disebabkan peratusannya yang agak rendah.

5.6 TEMUBUAL PENULIS BAGI MENILAI PENCAPAIAN KAGAT DALAM MEMBANGUNKAN AKHLAK WARGA TENTERA

Bagi membuat penilaian seterusnya terhadap pencapaian KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera, penulis telah mengadakan beberapa siri temubual untuk melihat pandangan warga tentera berkenaan dengan pencapaian KAGAT dalam organisasi ATM khususnya yang melibatkan pembangunan akhlak warga tentera. Beberapa orang warga tentera yang terdiri daripada anggota bawahan dan pegawai telah memberikan pandangan berkenaan dengan pencapaian KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera.

Di antara yang telah ditemubual oleh penulis ialah Pegawai Memerintah 10 RAMD yang berpengalaman di Kem Majidee Johor Bahru. Sebagai pegawai tentera yang telah lama berkhidmat dalam ATM beliau dapat merasakan perubahan akhlak yang amat ketara di kalangan warga ATM jika hendak dibandingkan ketika sebelum dan selepas tertubuhnya KAGAT. Beliau memberikan contohnya dari sudut peningkatan akhlak Islam dalam pasukan begitu teratur dan sistemetik setelah tertubuhnya kor Agama dalam ATM.⁶ Dari sudut peranan KAGAT dalam menjayakan misi dan visi ATM beliau memperakui KAGAT telah berperanan dengan agak baik dalam membantu menjayakan misi dan visi ATM terutamanya dalam usaha membentuk peribadi-peribadi yang berakhlak di dalam organisasi ini. Sebagai Pegawai Memerintah beliau amat memerlukan sokongan KAGAT bagi

*

memantapkan *batolianya* agar ianya menjadi sebuah *batalion* yang disegani di mata masyarakat luar.⁷

Apabila penulis mengadakan sesi temubual dengan komandan ILMI beliau juga memperakui bahawa KAGAT walaupun tidak mencapai 100 % kejayaan dalam perjuangannya, namun di sana ada petunjuk yang membuktikan bahawa peratusan warga tentera yang mengikuti kelas-kelas agama di kem semakin bertambah dari sehari ke sehari dan dalam satu masa juga kes-kes yang melibatkan masalah keruntuhan akhlak dapat dikurangkan terutamanya kes - kes seperti ketagihan arak, pendedahan aurat ketika bekerja dan sebagainya.⁸

Pandangan yang sama juga telah diutarakan oleh Pegawai Gerak 10 RAMD berkenaan dengan organisasi KAGAT di mana beliau menyatakan bahawa penubuhan KAGAT merupakan satu keperluan dalam mendidik nilai-nilai akhlak di dalam kehidupan warga tentera. Lebih penting lagi beliau berpendapat bahawa dengan wujudnya KAGAT dalam ATM telah banyak memberikan kesedaran beragama kepada pimpinan ATM dalam menghayati akhlak Islam dalam organisasi dan seterusnya ia dapat diterapkan ke dalam diri setiap anggota bawahan.⁹

Penulis amat tertarik dengan apa yang dinyatakan oleh seorang pegawai tentera ketika ditemubual oleh penulis, beliau telah memberikan beberapa fakta sebagai bukti pencapaian KAGAT dalam organisasi ATM yang melibatkan pembangunan akhlak warga ATM. Diantaranya ialah beliau menyatakan bahawa

*
KAGAT merupakan organisasi yang paling berperanan dalam ATM bagi melaksanakan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam organisasi ketenteraan di Malaysia. Ianya bermaksud bahawa pembangunan akhlak warga tentera adalah bergantung sepenuhnya kepada daya usaha yang dilakukan oleh KAGAT.

Beliau telah memberikan beberapa contoh pencapaian KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera diantaranya ialah kejayaan pengharaman arak dalam kem-kem tentera, mengadakan alternatif kepada warga tentera untuk memilih insuran yang berteraskan kepada sistem insuran Islam,¹⁰ memastikan warga tentera keseluruhannya terlepas daripada menanggung dosa beramal dengan riba lalu mencadangkan pinjaman peribadi secara Islam. Hasil daripada itu maka pada masa sekarang telah wujud pinjaman peribadi berteraskan kepada Islam yang dikenali sebagai *Bai' 'Inah* dan ianya telah mula beroperasi di bahagian pinjaman koperasi tentera. Selain daripada itu beliau menyatakan bahawa KAGAT juga telah berjaya menasihati PERNAMA agar mewujudkan sistem jual beli secara Islam dan hasilnya sistem *Bai' Bithamanin Ajil* telah mula diperkenalkan di semua kedai-kedai PERNAMA. Kesemuanya ini merupakan hasil daripada usaha yang telah dilakukan oleh KAGAT dalam usaha membangunkan akhlak warga tentera khususnya yang melibatkan hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.)¹¹

Bagi menambahkan keyakinan penulis terhadap pencapaian KAGAT dalam membentuk akhlak warga tentera, penulis telah berusaha pula untuk mengadakan temubual dengan warga tentera peringkat bawahan di mana hasil daripada temubual

ini anggota tersebut menyatakan bahawa peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT dalam membentuk akhlak warga tentera telah menampakkan kejayaan dan ianya amat diperlukan kerana tanpa KAGAT sudah pasti warga tentera akan terus hanyut di dalam kehidupan tanpa sebarang pedoman. Seterusnya beliau memperakui bahawa semenjak wujudnya KAGAT dalam ATM, KAGAT telah banyak membawa perubahan terutamanya dalam membentuk akhlak dan rohani warga tentera¹².

Bagi PW1 Azmi bin Ramli kewujudan KAGAT dalam persada ATM banyak memberikan kemanfaatan kepada warga ATM kerana KAGAT diibaratkan seperti Majlis Agama Islam Negeri yang berfungsi dan berperanan di dalam kem-kem tentera kerana segala permasalahan yang berkaitan dengan agama termasuk pembentukan akhlak dapat dirujuk dan diselesaikan di sini tanpa perlu merujuk kepada agensi luar. Jadi mengikut pandangan beliau penubuhan KAGAT merupakan satu keperluan untuk memberikan pengisian kerohanian dalam membentuk akhlak mulia dalam diri warga tentera.¹³

KESIMPULAN

Setelah beberapa perbincangan, perbahasan dan analisis dibuat oleh penulis, maka kesimpulan yang boleh diambil daripadanya ialah secara umumnya KAGAT telah berjaya membangunkan akhlak warga tentera walaupun pencapaian tersebut tidaklah mencakupi 100 % kejayaan. Pandangan tersebut berdasarkan kepada jawapan yang telah diberikan oleh pihak responden terhadap soalan kajiselidik.

berdasarkan kepada jawapan yang positif hasil daripada temubual penulis terhadap beberapa individu yang telah ditemubual dan beberapa perubahan dalam polisi dan dasar ATM yang melibatkan tatacara berpakaian dan sebagainya.

Walaupun pencapaian KAGAT dalam pembangunan akhlak warga tentera mendapat pandangan yang positif daripada responden dan individu yang ditemubual, namun penulis dapat mengesahkan kelemahan yang amat ketara dalam konteks membangunkan akhlak warga tentera dalam hubungan mereka dengan Allah (s.w.t.). Apa yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah dalam masalah menguasai pembacaan al-Qurān. Hasil daripada kajiselidik mendapati hanya 28.1 % sahaja di kalangan responden mampu untuk membaca al-Qurān dengan baik (lihat lampiran I, soalan 19). Bagi penulis ianya merupakan peratusan yang amat membimbangkan kerana hampir 2/3 dari kalangan responden merupakan warga yang buta al-Qurān. KAGAT perlu meneliti permasalahan ini. Di manakah silapnya yang menyebabkan berlakunya peratusan yang amat rendah ini. Adakah KAGAT begitu longgar dalam tanggungjawabnya melaksanakan amanah ini? ataupun warga tentera sendiri tidak berminat dalam usaha untuk memahami dan mendalamai al-Qurān.

Walaupun tidak dinafikan bahawa berbagai usaha telah dibuat oleh KAGAT bagi memberikan kefahaman kepada warga tentera berkenaan dengan al-Qurān, sebagai contohnya cadangan daripada KAGAT sendiri agar setiap warga tentera dibekalkan dengan senaskah al-Qurān, persoalan yang perlu difikirkan bersama ialah apa maknanya mereka diberikan al-Qurān kalau mereka sendiri belum mampu untuk

mengenali dan memahami al-Qurān, apa yang dapat mereka lakukan hanyalah sekadar melihat kulitnya sahaja tanpa mengetahui isi kandungannya. Bayangkanlah berapakah kos yang perlu diadakan untuk memberikan senaskah al-Qurān kepada setiap warga tentera berbanding dengan hasil yang diperolehi daripada penyerahan tersebut.

Justeru itu berdasarkan kepada lapuran kajiselidik penulis, KAGAT perlu bermula daripada sekarang dengan menyediakan warga tentera dengan pembacaan asas Al-Quran sebelum memberikan kepada mereka senaskah Al-Quran. Usaha-usaha yang berlipat kali ganda perlulah dimulakan daripada sekarang agar peratusan buta al-Qurān dalam ATM dapat dikurangkan dengan sebanyak mungkin. Kebolehan warga tentera dalam memahami dan membaca al-Qurān merupakan di antara perkara asas dalam konteks memperbaiki akhlak warga tentera dengan Allah (s.w.t.).

Hasil daripada analisis perbandingan, penulis dapat juga mengesahkan satu fakta yang agak menarik perhatian penulis iaitu dalam masalah penjagaan aurat. Statistik membuktikan bahawa penjagaan aurat responden berdasarkan kepada tahap umur berada di kedudukan kedua terakhir berbanding penjagaan aurat isteri yang berada di tempat ketiga teratas. Aurat responden berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan pula menunjukkan bahawa penjagaan aurat responden berada di tempat yang ke lima berbanding dengan penjagaan aurat isteri berada di tempat yang kedua. Begitu juga dari sudut tempat bekerja responden, di mana penjagaan aurat isteri berada di

kedudukan kedua sedangkan penjagaan aurat responden hanya mampu berada di kedudukan kelima.

Secara keseluruhannya apa yang dapat disimpulkan oleh penulis hasil daripada penyelidikannya ialah KAGAT perlu mempertingkatkan dayausahanya bagi meminimakan sebanyak mungkin permasalahan akhlak dalam ATM. Kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti memperolehi peratusan terendah seperti kemampuan membaca al-Qurān, penjagaan solat dan penutupan aurat perlu mendapat perhatian yang lebih daripada KAGAT. Inilah adalah kerana penulis berpandangan bahawa ketiga-ketiga perkara tersebut merupakan perkara yang paling asas dalam menilai kualiti akhlak dalam diri setiap warga tentera. Jika ketiga-tiga perkara tersebut dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian maka keberkesanan KAGAT akan dapat dilihat dengan jelas kerana kesemua perkara tersebut perlu dizahirkan dengan perbuatan lahiriah.

Kejayaan membangunkan akhlak warga tentera dan seterusnya mengurangkan gejala sosial dalam organisasi pasti akan menjadi lambang kejayaan berpanjangan KAGAT dalam misinya membangunkan akhlak warga ATM. KAGAT tidak boleh hanya berbangga dengan beberapa pencapaian sahaja, sebaliknya KAGAT dan seluruh warganya perlu mengorak langkah dengan lebih agresif tetapi berhimah dalam mendidik warga tentera khususnya dan organisasi ATM umumnya agar kehidupan mereka dapat berjalan dengan penuh kesempurnaan dan menjadi contoh terbaik kepada warga tentera negara lain.

NOTA HUJUNG

- ¹ Perbezaan ketiga-tiga peranan ini telah dinyatakan oleh penulis di dalam bab tiga h. 66.
- ² Amalan-amalan tersebut telah dinyatakan oleh penulis di dalam bab pertama h. 4. Namun demikian kesemua amalan negatif tersebut telah berjaya diitiadakan daripada kawasan mes melainkan kes-kes yang kecil sahaja seperti budaya raging dan sebagainya.
- ³ Kaji selidik ini tidak melibatkan warga tentera yang sedang berkhidmat di Sabah dan Sarawak disebabkan kerana masalah perhubungan yang agak jauh dan melibatkan sumber kewangan yang besar.
- ⁴ Bagi melicinkan pentadbiran, ATM telah membahagikan struktur pentadbiran daratnya kepada empat kawasan utama iaitu 1 Divisyen yang berpangkalan di Sarawak, 2 Divisyen yang berpangkalan di Pulau Pinang, 3 Divisyen yang berpangkalan di Melaka dan 4 Divisyen yang berpangkalan di Kuala Lumpur.
- ⁵ Penulis mengambil kesempatan memperolehi kajiselidik ini daripada warga tentera yang telah datang ke daerah Port Dickson bagi mengikuti kursus kerjaya masing-masing. Kursus yang diadakan di sini melibatkan mereka yang sedang berkhidmat di seluruh Malaysia. Di antara pusat-pusat latihan yang menjadi tumpuan penulis ialah Institut Pengurusan Tentera Darat dan Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM.
- ⁶ Temubual penulis bersama YBhg Lt Kol Md Yusof bin Aziz Pegawai Memerintah 10 RAMD Kem Majidee Johor Bahru bertarikh 1 Feb 2003. Beliau telah berkhidmat dalam ATM selama 22 tahun.
- ⁷ *Ibid.*
- ⁸ Temubual penulis bersama YBhg Lt Kol Hj Nawawi bin Daud Komandan Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) bertarikh 12 Dis 2003. Beliau telah berkhidmat dalam ATM selama 16 Tahun.
- ⁹ Temubual penulis bersama YBhg Mej Yaakop bin Hashim Pegawai Gerak 10 RAMD Kem Majidee Johor Bahru bertarikh 1 Feb 2003. Beliau telah berkhidmat dalam ATM selama 22 tahun.

-
- 10 Sebelum daripada ini warga tentera tidak mempunyai pilihan melainkan terpaksa menyertai insuran kelompok yang pengoperasiannya tidak mengikut prinsip-prinsip Islam. Dengan daya usaha KAGAT Takaful Nasional telah berjaya dibawa masuk lalu wujudlah insuran berteraskan Islam yang diberi nama sebagai Takaful Perwira dan penanggung sepenuhnya ialah Takaful Nasional Sdn. Bhd.
- 11 Temubual penulis bersama YBhg Mej Jaafar bin Awang Timbalan Komandan Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) bertarikh 12 Dis 2003. Beliau telah berkhidmat dalam ATM selama 16 tahun.
- 12 Temubual penulis bersama 1073683 PW1 Md Isa bin Md Saad RSM 10 RAMD Kem Majidee Johor Bahru bertarikh 1 Feb 2003. Beliau telah berkhidmat dalam ATM selama 15 tahun.
- 13 Temubual penulis bersama 1068285 PW1 Azmi bin Ramli KSMJ 10 RAMD Kem Majidee Johor Bahru bertarikh 1 Feb 2003. Beliau telah berkhidmat dalam ATM selama 16 tahun.